

D.R. 30/91

Naskah Sahih—Bahasa Malaysia

## RANG UNDANG-UNDANG

### *b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) 1991. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi lima juta dua ratus dua puluh tujuh ribu tiga ratus ringgit (\$5,227,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1990, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) 1990 dan Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1990.  
Akta A744.  
Akta A773.  
Akta A787.  
Akta A802.
- (2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan  
tambahan  
bagi tahun  
1991.

Akta A788.  
Akta A802.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi empat ratus sembilan puluh satu juta lima ratus tiga puluh tujuh ribu enam ratus ringgit (\$491,537,600) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1991, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1991 dan Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

#### JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud \$
B. 26	Kementerian Pendidikan	92,600
B. 27	Kementerian Luar Negeri	3,334,900
B. 43	Jabatan Pertahanan Awam	800
B. 59	Jabatan Perpaduan Negara	1,799,000
	JUMLAH	<u>5,227,300</u>

#### JADUAL KEPUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud \$
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	40,000,000
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	483,800
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	10,674,700
B. 26	Kementerian Pendidikan	150,000,000
B. 28	Perbendaharaan	20,513,700
B. 36	Polis DiRaja Malaysia	32,179,100

PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1990 DAN 1991) (NO. 2)

3

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud \$
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	2,399,200
B. 47	Kementerian Pengangkutan	1,587,100
B. 52	Kementerian Kerja Raya	213,700,000
B. 56	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	20,000,000
	JUMLAH	<u>491,537,600</u>

---

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1990 dan 1991 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) 1990, Akta Perbekalan 1991 dan Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991. [PN. (U<sup>2</sup>) 1686.]